

Malaya dan Indonesia berasal satu dan berdarah  
satu tetapi dengan adanya pemerintahan sekarang telah berpecah  
dan bagi orang-orang yang diperanakkan di sini (yang menggunakan  
passport British) hendak pergi ke Indonesia mesti membayar  
wang hangus \$44 dan wang tanggungan sebanyak \$120.  
Orang yang pergi ke sana telah bersungut dengan peraturan itu  
oleh kerana sudahlah hangus \$44 tetapi wang yang \$120  
tidak boleh diterima di sini kerana wang itu mesti diterima  
apabila hendak keluar dari sana diganti dengan 150 Rupiah.  
Orang-orang tidak berpuas hati kerana wang yang diganti  
tak cukup sebab wang \$120 itu jika ditukar dengan wang  
Indonesia harganya lebih daripada 600 Rupiah. Sebenarnya  
perbuatan ini tidak adil – kalau diterima wang tanggungan  
wang Malaya maka waktu baliknya hendak dibalikkan wang  
Malaya juga – apa kata ahli-ahli mesyuarat di Federation dan  
Singapura? Apa kata jabatan “pertukaran wang” (Foreign  
Exchange) – Tidakkah ini bermakna menukar wang Malaya  
dengan wang Indonesia?

-----\*

Penerbit tafsir Al-Quran

Al-Majid “ al-Ustaz Rijal

Abdullah nampaknya tidak mencari  
jalan bagi menerbitkan tafsirnya selain daripada untuk  
mencari wang. Kita katakan begitu ialah kerana daripada  
tafsir penerbitannya itu termasuk di dalamnya berbagai-bagai amalan  
seperti iklan kasut. Kita belum mendapat apa hukumnya  
mencampurkan itu tetapi perbuatan ini telah dipandang oleh  
umum tidak baik dan “menghina” kepada kemuliaan Al-Quran  
Jamiat khabarnya telah memasukkan bantahan kepada Majlis  
Islam Penasihat Kerajaan supaya merafa’kan kepada kerajaan  
menahan perbuatan yang demikian kerana dipandang mereka sebagai  
suatu perbuatan “yang menghinakan”. Hal ini sebenarnya  
kita sendiri tidak setuju yang tafsir itu dicampur  
dengan iklan-iklan – semolek-moleknya biarlah tafsir itu sendiri  
kerana terpandang sebagai suatu perbuatan yang merendahkan  
darjah Al-Quran. Di sebalik itu kita hanya berkata – kalau



## KOPI PAHIT

mahu cari duit dalam penerbitan’ carilah lain jalan,  
jangan menyentuh kemuliaan sesua yang dimuliakan umum.

-----\*-----\*

Haji Rejab seorang penulis di dalam “Suara UMNO”  
berkata bahawa bidasan-bidasan orang atas perkara loteri UMNO  
itu mengelirukan dan perbuatan yang demikian itu ialah  
perbuatan iblis. Siapa yang iblis belum thau – Haji  
Rejabkah atau orang yang membidasnyakah oleh kerana orang nampak  
dengan terang bahawa agama itu “tidak ada harga” kepada  
sebahagian besar golongan mereka itu pada hal orang yang membidas  
menunjukkan keterangan hukum agama tentang haramnya mengadakan  
loteri walaupun di dalam suara UMNO itu juga ada penulis  
“yang ber?” menjawab mencari dalih hendak menghalalkan  
barang yang haram. Kalau masih mengakui beragama Islam  
ikutlah hukum agama – Kalau tidak terpulang kepada mereka itu.

-----\*-----\*

Kemajuan! Kemajuan! Dan kemajuan! Itulah

sekarang yang disebut dan dikeh  
oleh sebahagian “pemuda dan  
pemudi kita’ yang bakal  
menjadi harapan bangsa yang  
setengah-setengahnya menjadi pendidik  
kepada anak-anak kita. Apakah kemajuan yang dapat dan dikeh  
mereka? Kita pandai bersandiwaro, bercampur antara lelaki  
dengan perempuan kerana “faedah umum” – Belajar bercampur  
kelas antara gadis-gadis dan belia-belia dan kerana kemajuan  
itu selalu kita jumpai habis belajar berjalan bersama-sama  
dan berdua-dua melihat wayang dan kesudahannya... TS  
T (tahu sama tahu). Kalau ditegur dikatakan kolot dan  
mengagungkan kebebasan perempuan pada hal agama telah menunjukkan  
merbahayanya dengan terang dan tepat. Adakah kemajuan  
yang dibangga-banggakan itu kemajuan yang bakal membawa anak sebelum  
nikah? Adakah kemajuan yang dikehendaki itu supaya tiap-tiap  
kahwin itu dengan diadakan “romenas” dahulu? Kalau  
beginilah baik jangan kahwin di hadapan tuan kadi –  
habis perkara – Cemeti Al-Farouk.